

Ruj Kami : MDCH PEN.A.01-2 ()

Tarikh : hb Disember 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

IKLAN JAWATAN KOSONG DI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Cameron Highlands akan membuat pengisian jawatan kosong bertaraf tetap. Iklan seperti dilampirkan.

3. Sehubungan dengan itu, mohon kebenaran pihak tuan untuk mempamerkan iklan tersebut di papan kenyataan di jabatan tuan untuk makluman kakitangan dan orang ramai.

4. Kerjasama dan keperihatinan pihak tuan amatlah di hargai.

Sekian, Terima Kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD AMIN,. DIMP,. AMP)

Yang Di Pertua

Majlis Daerah Cameron Highlands.

IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang yang berkelayakan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Daerah Cameron Highlands.

- A. Nama Jawatan : **PEGAWAI TADBIR**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- GRED JAWATAN : **N 41/44**
- TARAF JAWATAN : **TETAP**

SYARAT LANTIKAN: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak kurang dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 - (d) Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan pada Gred N 41: Rm 2,080.00) ;

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kelayakan diperkara (d) dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan.

Syarat peningkatan secara lantikan:

- (a) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pen Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 adalah layak dipertimbangkan oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan, ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran , tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i. Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) : atau
- (b) ii. Lulus peperiksaan khas : atau
- (c) Had umur pelantikan:
 - i Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun: atau
 - ii Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun: atau
 - iii Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun.

B. Nama Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

Klasifikasi Perkhidmatan : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**

Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**

Gred Jawatan : **N 29**

Taraf Jawatan : **TETAP/KONTRAK (LELAKI SAHAJA)**

Kekosongan : **1 KEKOSONGAN**

SYARAT LANTIKAN: 1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak kurang dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N 29: RM 1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N 29: RM 1,493.00); atau

- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N 29: RM 1,493.00); atau

- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N 29: RM 1,770.95); atau

- (v) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N 29: RM 1,846.05)

Dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas;
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat untuk pengalaman perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki sekurang -
kurangnya gred C dalam subjek Bahasa
Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada
peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang
diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan
Pembantu Penguat Kuasa atau Pemeriksa Kereta
Motor Gred AB19, Gred AB22 atau Gred AB 26
adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa
melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara
Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Pegawai
Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan
jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan
dan;

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c)
atau 1(d); atau

(ii) lulus peperiksaan khas; atau

(b) Had umur perlantikan

(i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh
lantikan bagi pegawai yang berumur
persaraan paksa 55 dan 56 tahun; atau

(ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh
lantikan bagi pegawai yang berumur
persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh
lantikan bagi pegawai yang berumur
persaraan paksa 60 tahun;

C. Nama Jawatan

: **PENOLONG JURUTERA**

Klasifikasi Perkhidmatan

: **KEJURUTERAAN**

Kumpulan Perkhidmatan

: **PELAKSANA**

Gred Jawatan

: **JA 29**

Taraf Jawatan

: **TETAP**

Kekosongan

: **1 KEKOSONGAN**

SYARAT LANTIKAN: 1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (b) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak kurang dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred JA : RM 1,549.00); atau
- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred JA : RM 1,935.02)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki sekurang - kurangnya gred C dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyun Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA 29 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
- (ii) lulus peperiksaan khas; dan
- (b) Had umur perantikan
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 dan 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang

berumur persaraan paksa 58 tahun;
atau

- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun;

D. Nama Jawatan : **PENOLONG AKAUNTAN W29**

Klasifikasi Perkhidmatan : **PERBENDAHARAAN**

Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**

Gred Jawatan : **W29**

Taraf Jawatan : **KONTRAK**

Kekosongan : **1 KEKOSONGAN**

SYARAT LANTIKAN: 1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

(c) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak kurang dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM 1,510.92); atau

(ii) *Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan,*

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM 1,510.92); atau

(iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM 1,776.08)

- (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W29 : RM 2,001.68)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki sekurang - kurangnya gred C dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (c) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
(ii) lulus peperiksaan khas; dan

(d) Had umur perlantikan

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 dan 56 tahun; atau

- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau

- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun;

B. **CARA MEMOHON**

- (a) Untuk mengetahui syarat-syarat lantikan sila layari laman web Majlis Daerah Cameron Highlands (www.mdcameron.gov.my)
- (b) Pemohon hendaklah menggunakan borang yang boleh diperolehi di Jabatan Khidmat Pengurusan atau muat turun di laman web Majlis Daerah Cameron Highlands.
- (c) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama salinan dokumen berikut:-
 - Kad Pengenalan (depan /belakang)
 - Sijil Lahir
 - Sijil/diploma yang berkaitan.
 - Gambar berukuran pasport
 - Salinan Sijil Kelahiran
 - Salinan Sijil Kelahiran Bapa/ibu (Kelahiran Negeri Pahang)
 - Lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan
- (d) Alamat permohonan dan tarikh tutup.
Borang yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
PETI SURAT 66
39007, TANAH RATA
PAHANG, DARUL MAKMUR**

Sebelum atau pada **19/01/2018 (Jumaat) jam 12.00 tengahari**

- (e) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**
 - (i) Tidak disertakan dokumen yang diperlukan;
 - (ii) Borang tidak lengkap;
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) Borang tidak ditandatangani

C. CATATAN AM

- (a) Hanya calon yang berjaya selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 4 bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berkaitan dengan urusan temuduga ini adalah diatas tanggungjawab calon sendiri dan tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Cameron Highlands.